

UMT anjur program bersih pantai

st 19/04/07
pg-TJ



Sulaiman (tengah) bergambar bersama warga UMT yang terlibat dalam Program Pembersihan Pantai.

KHAIRULMIZAN YAHYA

MENGABANG TELIPOT - Kira-kira 1000 kakitangan daripada 14 jabatan di Universiti Malaysia Terengganu (UMT) menjayakan Program Pembersihan Pantai bagi fasa kedua yang diadakan di sepanjang pantai universiti tersebut semalam.

Pada program yang diadakan lebih tiga jam bermula jam 7.30 pagi itu berjaya mengutip sebanyak 963 kilogram sampah.

Naib Canselor UMT, Profesor Datuk Dr. Sulaiman Md. Yassin turut terlibat dalam aktiviti berkenaan.

Menurut beliau, program tersebut diadakan sebagai menyahut Program 'Jom Bersih' yang dilancarkan kerajaan negeri dan merupakan yang kedua diadakan selepas fasa yang pertama pada 6 April lalu.

Katanya, sebelum ini Menteri Besar Terengganu, Datuk Seri Idris Jusoh pernah memberi teguran mengenai tahap kebersihan pantai ini dan pihak UMT mengambil inisiatif menganjurkan program tersebut yang diadakan dalam bentuk pertandingan.

"Tujuannya untuk memastikan kawasan pantai ini akan kekal bersih memandangkan kawasan ini terbuka kepada masyarakat awam yang sering datang ke sini melalui hulu dan hilir.

"Dalam program hari ini juga, sebanyak 20 daripada 100 batang pokok Rhu yang disumbangkan

oleh Jabatan Perhutanan Negeri Terengganu telah ditanam di sekitar kawasan pantai ini, manakala bakinya akan ditanam selepas ini secara berperingkat-peringkat," ujarnya ketika ditemui di sini semalam.

Jelasnya, UMT juga telah menubuhkan Jawatankuasa Bertindak Kebersihan yang akan dipertanggungjawabkan untuk mengawal kebersihan pantai berkenaan serta kawasan 'mengabang' (alur air) yang terletak berdekatan pantai tersebut.

"Langkah ini diambil supaya kawasan tersebut akan terus berkeadaan

skwad cakna
KUALA TERENGGANU
sinar banor

Ahmad Nurul Fakhri
019 939 1186
019 939 1256

"Tujuannya untuk memastikan kawasan pantai ini akan kekal bersih memandangkan kawasan ini terbuka kepada masyarakat awam yang sering datang ke sini melalui hulu dan hilir."

- Profesor Datuk Dr. Sulaiman Md. Yassin

bersih dan dapat digunakan sebagai kawasan riadah untuk dikunjungi oleh warga UMT serta masyarakat awam di sekitar kawasan pantai berkenaan," tambahnya.